

19/09/1997

Kempen sedarkan penunggang

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan penunggang dan pembonceng motosikal sentiasa menghargai nyawa dengan berwaspada di jalan raya kerana sebarang kemalangan terhadap mereka boleh meragut nyawa atau menyebabkan cedera parah.

Beliau berkata, menunggang motosikal secara berbahaya dan tidak mematuhi peraturan lalu lintas akan berkesudahan dengan kemalangan atau kematian.

"Penunggang dan pembonceng motosikal sama seperti mentimun. Kalau dia bergolek kena orang, dia juga yang luka. Kalau orang lain golek dia, dia juga tetap luka parah.

"Sebab itu kita dapati bilangan mereka yang luka parah dan meninggal dunia semakin meningkat," katanya ketika melancarkan Kempen Keselamatan Penunggang Motosikal 1997-1999 di Dataran Merdeka, petang ini.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor. Kempen tiga tahun itu bertema Tunggang Dengan Cermat, Ingatlah Orang Yang Tersayang.

Berdasarkan kajian Universiti Putra Malaysia (UPM), hampir 57 peratus daripada kematian akibat kemalangan jalan raya di negara ini membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal. Bilangan itu dijangka meningkat 9,127 orang pada 2000.

Kira-kira 37 peratus daripada mereka berusia lingkungan 16 hingga 25 tahun.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan kemalangan yang membabitkan penunggang motosikal disebabkan kesalahan sendiri tidak berhati-hati dan kadang-kadang lupa diri.

"Kadang-kadang cara mereka bergaya membawa mudarat kepada diri sendiri. Mereka memandu ke kiri dan ke kanan ataupun memecut di celah-celah kenderaan.

"Sebenarnya, apabila berada di atas motosikal, kita nampak segar dan bergaya tetapi apabila terbabit dengan kemalangan jalan raya, segala-galanya menjadi derita.

"Tidak guna kita memecut laju untuk sampai ke sesuatu tempat hanya cepat sedikit kalau akhirnya dia mengalami kemalangan yang menyebabkan kecederaan teruk atau meninggal dunia," katanya.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah lama mengamalkan sistem tender terbuka walaupun ada tender terpilih dilakukan kerana bertujuan mempercepatkan proses tender.

"Daripada lama pun tender terbuka tetapi kadang kala bila kita ada keperluan untuk mempercepatkan proses, kita ada tender terpilih. Semua orang dapat peluang bukan tidak dapat peluang," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Samy Vellu bahawa sejajar keputusan Kabinet untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan, beliau akan mencadangkan semua kontrak kerajaan harus melalui tender terbuka atau sistem tender yang berdaya saing.

Perdana Menteri menegur sesetengah kerajaan negeri yang terlalu banyak memperuntukkan wang untuk membiayai perbelanjaan melawat luar negara.

"Kita minta kerjasama mereka supaya berjimat. Kadang-kadang ada juga yang tak ikut. Umpamanya, untuk mengurangkan perbelanjaan ke luar negeri kerana kadang-kadang terdapat rombongan yang terlalu besar.

"Kadang-kadang kerajaan tempatan pun ada rombongan ke luar negeri. Kita belanja terlampau banyak duit untuk pergi berjalan. Kalau 10 orang nak pergi, tiga empat orang sudahlah," katanya.

(END)